

28/08/1999

Kenaikan taraf cabaran baru

PENGUMUMAN Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam, bahawa Institut Teknologi Mara (ITM) akan dinaikkan taraf menjadi universiti seharusnya disambut dengan bangga oleh seluruh rakyat negara ini, khasnya Bumiputera. Pengumuman itu adalah satu lagi pengiktirafan terhadap ITM yang selama ini sudah banyak berjasa melahirkan ramai tokoh Melayu berwibawa.

Kenaikan taraf itu dikira wajar memandangkan keupayaan ITM melahirkan lebih 120,000 siswazah dan profesional Melayu sehingga kini. Ia juga selaras status institusi itu yang kini mempunyai jumlah pelajar paling ramai hingga 70,000 orang serta menawarkan hampir 150 kursus dari peringkat sijil hingga doktor falsafah di 17 fakulti. Malah ITM juga bercadang mengambil sehingga 150,000 pelajar menjelang 2005.

Tambahan pula, ITM yang akan bergelar Universiti Teknologi Mara (UTMara) apabila cadangan itu dibentangkan di Parlimen kelak, selama ini memang berfungsi sama seperti universiti awam lain walaupun menggunakan nama Institut Teknologi Mara, terutama selepas Akta ITM 1976 dipinda pada 1996 yang membenarkan institusi itu menawarkan program di peringkat sarjana muda, sarjana dan doktor falsafah.

Malah, syarat kelayakan memasuki institut itu juga sama dengan yang ditetapkan universiti sedia ada. Oleh itu, kenaikan taraf itu adalah wajar dan bertepatan dengan keupayaan institusi berkenaan. Selain itu, ia juga sejajar saranan Rektornya, Prof Datuk Dr Ahmad Zaidee Laidin, meningkatkan taraf ITM menjadi Universiti Mega menjelang alaf baru.

Dari segi infrastruktur, ITM memang diakui mampu melakukannya sejajar kenaikan tarafnya barunya itu. Selain memiliki kampus induk yang hampir lengkap dan kampus cawangan di setiap negeri di seluruh negara, ITM juga dilaporkan bercadang membina kompleks menara berkembar 20+20 yang membabitkan belanja RM164 juta di kampus Shah Alam yang akan menempatkan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal, Awam dan Elektrik, di samping pusat pentadbiran. Ia juga memperuntukkan RM500 juta bagi pembinaan asrama di semua negeri untuk menampung keperluan kira-kira 28,000 pelajar yang akan dilaksanakan secara berperingkat mulai Oktober ini.

Selain itu, jaminan Perdana Menteri semalam bahawa statusnya yang khusus untuk golongan Bumiputera tidak akan diubah, wajar disokong. Kedudukannya sebagai institusi pendidikan Bumiputera harus dipertahankan kerana agenda untuk melahirkan ramai tenaga profesional Bumiputera dan mengimbangi penyertaan mereka dalam bidang profesional masih belum selesai.

Di samping itu langkah mengekalkan 70 peratus daripada kursus di ITM di peringkat diploma juga akan memberi peluang lebih luas kepada Bumiputera mendapat pendidikan tinggi dan menjadi pekerja separa profesional yang memang diperlukan oleh negara dalam usaha mencapai matlamat Wawasan 2020. Harapan kita apabila tarafnya sudah menjadi universiti kelak, Bumiputera terutama di luar bandar akan terus diberi keutamaan untuk menikmati peluang melanjutkan pelajaran di peringkat tinggi di samping dikenakan kadar yuran yang berpatutan. Ini sejajar matlamat ITM selama ini yang mengutamakan pelajar Bumiputera di luar bandar dan berpendapatan rendah.

ITM selama ini sememangnya menjadi tumpuan Bumiputera kerana ia memberi kepercayaan yang tinggi kepada mereka mendapatkan ilmu berikutan keupayaan institut itu menyediakan ruang lingkup pembelajaran yang menepati kehendak zaman teknologi maklumat (IT). Kita percaya kepercayaan ini akan terus diterima oleh UTMara kelak memandangkan reputasi ITM selama ini yang

berjuang atas landasan Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang mahu meningkatkan taraf hidup dan keupayaan golongan Bumiputera.

Kepada warga ITM sendiri, khususnya di kalangan ahli akademik serta kakitangan lain, kenaikan taraf sebagai universiti sudah tentu menjadi cabaran baru kepada mereka untuk bertekad memberikan sumbangan yang diharapkan demi kepentingan pelajar Bumiputera. Bagi pihak pelajar pula kenaikan taraf ini harus membawa keazaman untuk terus gigih di dalam setiap bidang pembelajaran yang mereka ikuti bagi membuktikan bahawa Bumiputera juga boleh mencapai tahap kecermerlangan sebagaimana kaum lain. Kepada merekalah kita mempertaruhkan impian dan harapan untuk mencorakkan masa depan generasi baru Bumiputera terutama dalam menuju alaf baru.

(END)